

INFOGRAFIKA



Wartawan:
Muhammad Saufi Hassan
am@hmetro.com.my



Mohd Syazwan Msar
am@hmetro.com.my



Grafik:
Salim Dawam
norsalim@hmetro.com.my



Pengarah Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Muhamad Pauzi Abdul Latif menunjukkan senjata lama.

PENEMUAN JOAO DE BARROS BERHUBUNG SENJATA API DI MELAKA

1. Jumpa artileri berjumlah **3,000 laras** daripada jumlah keseluruhan semua **senjata api 8,000**.
2. Satu meriam besar yang kemudiannya dihantar ke **Kota Calicut**.
3. Portugis merampas meriam berjumlah **2,000 laras**.
4. Mengakui keunggulan seni pembuatan senjata api yang lebih hebat daripada Portugis.
5. Senjata api yang ditemui mirip teknologi Jerman (ketika itu hanya Jerman dan Turki-Uthmaniyyah pakar dalam pembuatan senjata).

SEJARAH YANG DIRAHSIA

Kuala Lumpur: Sejarah yang digelapkan. Itu kesimpulan yang boleh dibuat berhubung catatan kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka kononnya angkatan tentera ketika itu hanya menggunakan keris, tombak dan sumpit beracun.

Biar pun catatan sejarah itu digunakan dalam sukatan pelajaran mengakui wujud senapang dan meriam, namun menyatakan bahawa senjata tradisional digunakan secara meluas ketika serangan Portugis pada 1511.

Selain itu, buku berkenaan turut mengatakan kelemahan ketenteraan Melaka yang tidak berorganisasi serta kehebatan persenjataan Portugis.

Fakta sebenarnya adalah tentera Kerajaan Melayu Melaka ketika itu sangat tersusun dan mempunyai lebih 8,000 laras senapang serta meriam.

Muzium Warisan Melayu Universiti Putra Malaysia (UPM) menemui keratan jurnal pengkaji barat Dr Joaquim de Campos yang menghuraikan berhubung penemuan senjata api moden di Melaka.

Portugis memerlukan tempoh tiga minggu untuk menakluk Kota Melaka berikutan tentangan hebat daripada angkatan tentera Melaka.

Selepas kemasukan Portugis, senjata api berkenaan lebih dikenali sebagai Istinggar, Pemuras dan Lela Rentaka.

Fakta berhubung kemunduran teknologi itu ternyata satu 'fakta yang digelapkan' apabila pengkaji tempatan menemui beberapa catatan daripada penjajah barat yang turut mengakui kewujudan persenjataan moden itu.

Pengkaji Bedil Alam Melayu Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah berkata, orang Melayu sememangnya sudah memiliki senjata api sebelum kedatangan Portugis ke Melaka lagi.

Menurutnya, hal ini dibuktikan menerusi beberapa catatan sejarah daripada penjajah barat termasuk Afonso de Albuquerque yang menyatakan menjumpai ribuan laras senapang dan meriam selepas menakluk Melaka.

"Albuquerque dalam catatan

juga menjumpai meriam yang mempunyai saiz jauh lebih besar daripada meriam milik Portugis. Namun, ia dihantar ke Kota Calicut sebagai hadiah.

"Berhubung fakta ini, ia direkodkan oleh seorang sejarawan Portugis Joao de Barros dan pernah dipetik oleh beberapa pengkaji barat berhubung persenjataan moden Alam Melayu," katanya kepada Metro Ahad ketika ditemui, di sini.


Menurutnya, kepakaran senjata api Melayu sangat berkait rapat dengan teknologi dari kerajaan Turki-Uthmaniyyah terutamanya dalam aspek pembuatan meriam.

Katanya, berdasarkan kajian pengkaji juga menemui kebanyakan senjata api serta meriam Alam Melayu dirampas Portugis dan dibawa keluar menerusi kapal perang mereka yang dikenali Flor de La Mar.

"Pembetulan fakta sejarah harus dibuat kerana ini bukan sumber pengkaji tempatan semata-mata, malah pengkaji luar juga pernah membuat penemuan menerusi jurnal serta kajian mereka," katanya.

“ **Albuquerque dalam catatan juga menjumpai meriam yang mempunyai saiz jauh lebih besar daripada meriam milik Portugis.** ”

Wan Mohd Dasuki
Wan Hasbullah
Pengkaji Bedil Alam Melayu



❖ Kaedah menggunakan istinggar



Menggamak / memegang istinggar

Istinggar dipegang dan dikeluarkan dari tempat simpanan. Sewaktu memegang bedil tersebut, jampi tertentu akan dibaca untuk mengetahui sama ada ia selamat atau berbahaya jika hendak digunakan.

Mengisi bahan peledak (ubat bedil: gunpowder)

Ubat bedil dimasukkan dari tabung buluh ke lubang laras bedil sambil dibacakan jampi dan diasak terlebih dahulu dengan kayu pengasak sebelum dimasukkan pula peluru timah hitam.

Mengisi peluru

Sebilu peluru timah hitam diambil dari bekas yang berada di belakang badan penembak, dikulum di dalam mulut sambil membaca jampi dan kemudian ditolak dengan hujung lidah ke lubang laras bedil.

Kemudian diasak dengan kayu pengasak. Peluru timah dipadatkan (wadding) dengan balutan perca kain atau sabut. Ubat bedil dan peluru diisi dengan keadaan laras bedil tegak ke langit.

Mengisi penggalak (primer)

Ubat bedil yang lebih halus sebagai pencetus nyalaan tembakan dimasukkan ke lubang penggalak. Kemudian piring penutup lubang itu ditutupkan untuk mengelakkan ia keluar atau dituip angin. Penggalak diisi sambil bedil dipeluk ke badan dan larasnya menghadap ke sasaran.

Menyalakan sumbu


Sumbu dibakar di bahagian hujung yang akan menyentuh lubang penggalak. Sumbu diperbuat dari tali sabut.



6 Membidik sasaran
Sasaran dibidik dengan mengacukan hujung pejara ke bayang sasaran. Sasaran dikunci menetapkan sasaran serta menahan nafas. Jampi dibacakan.

7 Melepaskan tembak
Jarum bedil ditarik perlahan sambil nafas dilepaskan perlahan dengan bacaan jampi penuju.

❖ Mekanisme tembakan istinggar



❖ Peluru Petunang

Kitab Peluru Petunang adalah rangkuman beberapa naskah kitab ilmu penggunaan senjata dan dipercayai sudah wujud lebih 1700-an. Ia adalah kombinasi beberapa manuskrip lama dan disusun semula oleh penyelidik sastera, A Samad Ahmad. Kitab ini mengandungi pelbagai petua dan mantera untuk menembak.



Peluru dilukiskan lakaran ini diikuti bacaan jampi agar tembakan tepat mengenai sasaran dan maut.

Istinggar / setinggar

Senapang kancing sumbu

- Senjata api ringan yang mempunyai laras panjang
- Laras panjang dalam dunia persenjataan moden dikenali sebagai Sniper Rifle
- Menggunakan sebutir peluru timah hitam (plumbum)
- Mekanisme tembakan menggunakan pencucuh sumbu (matchlock)
- Diperkenalkan semasa penaklukan Portugis, tetapi digunakan secara meluas oleh orang Melayu selepas kejatuhan Melaka pada 1511

Asal.....Portugis
Adaptasi.....Melayu Minangkabau
Jenis.....Matchlock /sumbu
Panjang.....122cm -165cm
Bahan.....kayu, tembaga
Jangkaan jarak tembakan terjauh..... 890 meter

“Tulang urat jalan engkau Hanya jantung tempat engkau”
Bacaan memungut peluru

Istinggar

Senjata api hebat orang Melayu dahulu

Bulan mengambang disapu mega, Utlara nyaman laut pun tenang, Idamkan kembang dilingkar mega, Tembak dengan Peluru Petunang.

Udara nyaman laut pun tenang, Suasana mempesona menghibakan hati, Tembak dengan Peluru Petunang, Kena tak kena naga pun mati

Ini antara bait pantun dalam 'Manual Penggunaan Senjata Api Melayu' atau lebih dikenali Kitab Peluru Petunang yang direkodkan sekitar tahun 1700-an sehingga 1800-an.


Kitab lama itu bukan saja bukti kukuh perkaitan rapat antara senjata api dengan masyarakat

Melayu, malah menggambarkan begitu dekat senjata berkenaan dan masyarakat Melayu ketika itu bukan hanya bergantung kepada keris atau parang, sebaliknya senjata api moden ketika itu. Pendedahan kitab ini juga memberi persepsi baru bahawa sebenarnya Alam Melayu sudah mempunyai teknologi moden dan sejarah yang mengatakan Melayu mundur adalah fakta yang digelapkan oleh pihak tertentu.


Senjata api seperti Istinggar (laras senapang panjang), Pemuras (laras senapang pendek), Lela Rentaka (meriam ringan) dan

beberapa artileri lain adalah bukti kukuh bahawa ketamadunan Melayu atau Melaka sama hebat dengan empayar besar antaranya Turki-Uthmaniyyah dan Jerman. Menurusi kitab lama ini juga turut menjelaskan teknik menembak dengan begitu teliti dan penggunaan Istinggar banyak diperkatakan dalam kitab Peluru Petunang ini.

❖ Posisi menembak



❖ Jarak tembakan dan jumlah bahan peledak



1400 an

Senjata api telah mula digunakan orang Melayu seperti bedil dan meriam yang berasal dari China, Pegu, Burma dan Annam

Selepas 1511

Istinggar mula digunakan dengan pengaruh Portugis selepas kejatuhan Melaka

Pertengahan 1600

Terakul dan pemuras dibawa oleh orang Belanda

1800 an

Tahun 1843 senjata api mekenisme baru "percussion lock" tanpa sumbu dibawa British. Antaranya senapang Snider dan Enfield. Selepas 1870-an kedua-dua senapang ini digunakan secara meluas oleh orang Melayu dalam peperangan termasuk di Perak (1874) dan Pahang (1890).


❖ Kronologi ringkas penggunaan senjata api oleh orang Melayu dahulu

❖ Istinggar di alam Melayu

Senjata api ringan ini sudah mula dikenali sejak awal lagi iaitu sebelum kemasukan Portugis ke Melaka namun nama Istinggar diperolehi selepas kemasukan penjajah. Ia turut digunakan di beberapa lokasi lain selain

Melaka antaranya Minangkabau, Aceh dan beberapa lokasi lain. Ini menunjukkan bahawa Alam Melayu tidak mengalami kemunduran daripada aspek persenjataan malah setara dengan kegemilangan Portugis serta negara barat lain. Istinggar

❖ Senjata api lain yang digunakan orang Melayu dahulu



• Sejenis meriam bersaiz kecil
• Lebih dikenali sebagai 'Swivel Cannon'
• Bersifat kecil kerana tujuan Lela Rentaka adalah berkonsep mudah alih
• Senang dibawa dalam peperangan dan diletakkan di atas penyandang berbentuk 'Y'
• Meriam jarak dekat

• Bahasa lain adalah Blunderbuss
• Senjata api ringan jarak dekat
• Berorientasikan 'peluru penabur' memandangkan mempunyai laras pendek yang besar
• Peluru timah, paku dan kepingan logam digunakan sebagai bahan peluru untuk mencederakan musuh


• Senjata api ringan laras pendek mirip pistol pada zaman moden
• Pernah digunakan dalam Perang Nanning
• Mekanisme letupan menggunakan Wheel Lock kemudian dimajukan menggunakan Flintlock (batu api)
• Sering digunakan golongan pembesar Istana/pemerintah kanan tentera

I2 RUKUN MENEMBAK



Sumber: Peluru Petunang, A. Samad Ahmad, Dewan Bahasa dan Pustaka 1984
Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah, 2013. Pengetahuan dan teknologi Melayu berhubung penggunaan senjata api. Disertai sarjana Akademi Pengajian Melayu UM. Muzium Warisan Melayu, UPM.

POST



CARD



MALAYA THIS SIDE

Gambaran keadaan ketika cubaan tentera Portugis menakluk Kota Melaka.



FIREARMS IN THE OLD MALAY WORLD. I.—At the Siege of Malacca.

By Dr. Joaquim de Campos.

RECENTLY I came across a copy of "The Historical Guide of Malacca" which is an excellent little publication, reflecting credit on the Malacca Historical Society. It contains, however, a reprint of a paper on "The Fall of Malacca" by Mr. R. J. Wilkinson, C.M.S., which conveys an erroneous impression that the... were unacquainted with the arrival of Malacca, as seems the Malay Annals. Contrasting this Annals with the account of the Conquerors of Albuquerque, Mr. Wilkinson asks: "Whom are we to believe?" The Portuguese writers of the Malay Annals? There should not have been much difficulty in answering the question. The Malay Annals are well known to be a collection of facts, fables and legends, though certainly valuable in so far as they give us a life-like picture of Malacca and reflect the mentality of the Malacca Government, with its curious insistence on the ceremonial for keeping up the authority of princes and rulers.

Keratan akhbar mengenai kajian Barat terhadap senjata api Melayu dahulu.

SEJARAH MELAKA



Lela Rentaka, antara senjata api yang digunakan ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka.



Kuala Lumpur: Fakta sejarah merangkumi kecanggihan teknologi seperti senjata dan pengangkutan yang dimiliki oleh kerajaan Kesultanan Melayu Melaka terdahulu seharusnya diangkat dan dihebahkan kepada umum demi memastikan ia tidak dimanipulasikan pihak tertentu. Presiden Persatuan Patriot Malaysia (PATRIOT) Mohamad Jamalee Bashah, 33, berkata, pihaknya sudah lama memperjuangkan supaya fakta sejarah di dalam buku teks Sejarah atau rujukan yang digunakan pelajar ketika ini diubah demi memperlihatkan lagi kehebatan serta keunggulan Kesultanan Melayu. Beliau berkata, pihak berkaitan seharusnya memperbetulkan fakta yang meragukan mengenai Kesultanan Melayu Melaka

kononnya menggunakan senjata tradisional seperti lembing, tombak dan keris untuk berperang selain tidak mempunyai kepakaran merangkumi teknologi pengangkutan hingga menyebabkan kerajaan itu ditawan Portugis. "Cukuplah menyogokkan kepada masyarakat bahawa tamadun lain lebih maju sedangkan zaman Kesultanan Melayu Melaka terdahulu sebenarnya mempunyai pelbagai kecanggihan yang dimiliki merangkumi teknologi persenjataan dan pengangkutan. "Banyak fakta sejarah yang tidak dipamerkan kepada umum secara jelas dan nyata sekali gus menyebabkan generasi muda sekarang ini tidak mengetahui kehebatan dan kewibawaan Kesultanan Melayu Melaka," katanya ketika

ditemui, di sini. Sementara itu, pengkaji Sejarah Profesor Dr Mat Rofa Ismail berkata, Kesultanan Melayu Melaka dahulu tidaklah terlalu kuno atau ketinggalan zaman hingga menyebabkan mudah ditewaskan oleh Portugis. Beliau berkata, Portugis mengambil masa beberapa tahun untuk mengkaji seterusnya menawan kota Melaka dan mereka juga mendapat tentangan sengit pada peringkat awal. "Kita perlu mengetahui secara jelas dan nyata mengapa kota Melaka ditawan oleh Portugis kerana adanya pengkhianatan selain terdapat beberapa masalah lain. "Namun, bukannya Melaka tewas kerana senjata atau teknologinya tidak canggih dan Portugis mengambil masa tiga minggu untuk menawan

kota itu pada 1511," katanya. Selain itu, beliau juga berkata ahli sejarah Portugis Joao De Barros juga ada menulis dalam bukunya mengenai kecanggihan merangkumi taktikal dan persenjataan yang dimiliki kerajaan Melaka hingga mampu menangkis serangan musuh. "Kita seharusnya tidak mengambil bulat-bulat fakta sejarah yang disampaikan oleh kapitalis barat kerana mereka sebenarnya tidak mahu mengakui kekuatan yang dimiliki kerajaan Melaka. "Oleh itu, fakta sejarah yang terdapat di dalam buku teks atau rujukan pada masa kini haruslah dikaji semula dengan memperlihatkan kepada generasi muda bahawa kerajaan Melaka suatu ketika dahulu sangat digeruni dan dihormati," katanya.

“Cukuplah kita menyogokkan kepada masyarakat bahawa tamadun lain lebih maju sedangkan zaman Kesultanan Melayu Melaka terdahulu sebenarnya mempunyai pelbagai kecanggihan yang dimiliki merangkumi teknologi persenjataan dan pengangkutan.”

Mohamad Jamalee Bashah
Presiden Persatuan Patriot
Malaysia (PATRIOT)